

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Friday, September 15, 2017 4:43 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Bicara TN50 Pendidikan Tinggi Ruang Ahli Akademik Suarakan Aspirasi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



15 SEPTEMBER 2017 / 24 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

BICARA TN50 PENDIDIKAN TINGGI RUANG AHLI AKADEMIK SUARAKAN ASPIRASI



UUM ONLINE: Lebih 500 ahli akademik dari 25 institusi pendidikan tinggi sekitar zon utara menghadiri program Bicara Transformasi Nasional 2050 (TN50) Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh bertempat di Dewan Kecemerlangan Pauh Putra, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) semalam.

Program ini memberi peluang ahli akademik untuk berkongsi idea dan aspirasi mereka mengenai suasana pendidikan tinggi negara menjelang 2050 merangkumi pelbagai isu antaranya pengajaran dan pembelajaran serta graduan yang dihasilkan.

Dato' Seri Idris memulakan program tersebut dengan mengulangi hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi yang mahu menyediakan sistem pendidikan terbaik yang berhak dinikmati oleh rakyat Malaysia dan pelajar antarabangsa.

"Untuk mencapai hasrat itu, kita telah sediakan satu garis panduan iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), yang merupakan satu transformasi pendidikan tinggi negara bagi meningkatkan kecemerlangan pendidikan tinggi sekali gus memperkukuh kewujudan Malaysia di pentas dunia," ujarnya.

Tambahnya, sistem Pendidikan Tinggi Malaysia ternyata telah mencatat pencapaian membanggakan dan pencapaian itu diringkaskan kepada konsep U.M.A.R.

"Konsep U.M.A.R ini merujuk kepada peningkatan ranking pendidikan negara dan pencapaian universiti tempatan, khususnya universiti penyelidikan yang telah membuka mata dunia dan mengiktiraf Malaysia sebagai hab pendidikan di rantau ini.

"U bermaksud Universitas 21 iaitu satu-satunya ranking yang menilai sistem pendidikan tinggi negara yang mana sistem pendidikan tinggi Malaysia berada di kedudukan 25 keseluruhan pada 2017 meningkat 11 kedudukan berbanding kedudukan ke 36 pada 2012; M bermaksud Universiti Malaya; A bermaksud lima daripada 8 universiti terbaik ASEAN adalah universiti dari Malaysia; dan R merujuk kepada universiti penyelidikan di Malaysia yang tersenarai dalam kelompok 1% universiti teratas di dunia," jelas beliau.

Sepanjang sesi tersebut berlangsung, ahli akademik yang hadir telah menyuarakan pelbagai aspirasi antaranya mengenai permasalahan, cadangan, harapan dan impian mereka berkenaan hala tuju pendidikan tinggi negara menjelang 2050.

Kira-kira 30 staf akademik Universiti Utara Malaysia (UUM) turut hadir ke program ini. Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Hassan Ali dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Abdul Malek Abdul Karim.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
✉ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.